

02/05/2002

Lim minta kerjasama akar umbi

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Presiden MCA yang juga Ketua Kumpulan B, Datuk Lim Ah Lek mahu semua ahli dan kepemimpinan peringkat akar umbi menjalin kerjasama serius mewujudkan perpaduan dan persefahaman demi masa depan parti, Barisan Nasional (BN) dan negara.

Beliau yakin cadangan mengekalkan status quo kepemimpinan sehingga 2005 serta agenda Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi perdamaian dan kestabilan MCA diterima semua ahli menjelang tarikh penamaan calon pada 10 Mei ini.

"Ya, kami boleh melakukannya tetapi perlu ada kesungguhan bekerja keras bagi memastikan parti dan BN bersedia menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi, iaitu sebelum 2004," katanya pada sidang akhbar selepas majlis taklimat menerangkan kepada ahli dan pemimpin peringkat akar umbi mengenai agenda perdamaian MCA.

Kumpulan A yang diketuai Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Kumpulan B yang sebelum ini bertelagah bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005.

Ditanya mengapa Kumpulan B tidak menghadiri taklimat Ling semalam, Lim berkata, beliau tidak akan mengulas mengenai tindakan Presiden MCA itu, tetapi pihaknya bersedia mengambil langkah positif bagi mewujudkan perpaduan.

Katanya, semua pihak perlu mengeneipkan masalah dalam parti dan bekerjasama membuat penjelasan mengenai agenda perdamaian dan kestabilan MCA sehingga semua ahli peringkat akar umbi dapat bertaut semula.

Melalui penjelasan agenda pelan damai itu, semua pemimpin yang bertelagah perlu menasihatkan ahli dan pemimpin akar umbi dan seboleh-bolehnya cuba mengelakkan pemilihan pada peringkat bahagian masing-masing.

"Kami tidak mahu melihat MCA yang terbahagi dua. Perdana Menteri juga sebelum ini berulang kali menyatakan tidak mahu MCA yang didokong 50 peratus ahlinya, tetapi 100 peratus," katanya.

(END)